

SH 9/11/2019 m/s 36

# Ingat buaya rupanya patin gergasi

FOTO: IHSAN PEMBACA

**Kaki pancing berjaya naikan ikan patin buah seberat 150kg**

HAZELEN LIANA  
KAMARUDIN

**RANTAU PANJANG**

“Ingatkan buaya, rupanya patin buah gergasi,” kata kaki pancing Azahar Che Hassan, 42, yang berkongsi detik cemas menaikkan ikan patin buah seberat 150 kilogram (kg).

Azahar bersama tiga rakannya telah berjaya menaikkan seekor patin buah gergasi itu di Sungai Tok Damat, Kampung Jejawi di sini kira-kira jam 10 pagi



Ikan patin buah seberat 150kg yang berjaya ditangkap Azahar dan rakan-rakan.

semalam.

Menurutnya, ikan patin buah itu ditangkap menggunakan kaedah candit.

“Pada mulanya kami menyangkakan ikan berkenaan adalah buaya.

“Takutlah juga kerana



Penduduk kampung tidak melepaskan peluang bergambar dengan ikan patin buah 150kg.

sungai ini merupakan ‘rumah’ pak bedal tapi selepas menarik candit kami mendapati ia ikan patin buah,” katanya di sini semalam.

Menurutnya, itu kali pertama dia dan rakan-rakan mendapat ikan besar walaupun sudah beberapa tahun berpengalaman me-

nahan candit.

Katanya, dia menahan candit di sungai itu selepas air mulai naik ekoran hujan lebat sejak beberapa hari lalu.

“Ikan ini akan dikongsi bersama penduduk kampung.

“Saya turut menjualnya

selepas ada permintaan untuk membeli kerana mahu menikmati rasa ikan tersebut,” katanya.

Kisah kejayaan Azahar dan rakan-rakannya itu tular di media sosial apabila penduduk kampung berkongsi mengenai perkara tersebut.